

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HKB 402 Seminar dalam Kesusasteraan Bandingan

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang konkrit, bandingkan pantun dengan pantoum ala Francaise. Kemudian, berdasarkan sebuah karya Baudelaire yang telah anda pelajari, bincangkan pula bagaimana dimensi kerohanian dan perhubungan manusia dengan alam dihidupkan di dalam pantoum.
2. Dengan merujuk kepada puisi-puisi Li Po dan Wang Wei yang telah anda pelajari, bincangkan secara kritis ciri-ciri estetika tzu-jan yang dikatakan kuat menentukan isi dan struktur karya penyair-penyair tersebut. Terangkan juga kenapa estetika Taois ini dikatakan bersifat dekreatif-kreatif.
3. Dengan merujuk kepada karya-karya agung Basho, jelaskan unsur-unsur sfera fenomena dan sfera nomena yang dikatakan terpancar di dalam haiku. Juga, jelaskan bagaimana dapat dikatakan bahawa haiku ialah rakaman satori dalam konteks kehidupan Zen.
4. Persoalan yang ditimbulkan oleh Goethe di dalam Faust ialah persoalan pencarian erti hidup manusia, khususnya seperti yang dialami oleh manusia di dalam sejarah peradaban Barat.

Bincangkan pernyataan ini dengan kritis.

5. Bincangkan dengan terperinci bagaimana dapat dikatakan bahawa Payam-i-Mashriq oleh Iqbal merupakan jawapan seorang penyair Timur, khususnya Islam, kepada idea-idea yang terpancar di dalam beberapa karya Goethe, termasuk Faust.
  
6. Bandingkan secara kritis Javid Namah oleh Iqbal dengan Gitanjali oleh Tagore. Perbandingan anda mestilah dibuat dengan memberi tumpuan kepada konsep diri dan imejari yang ditonjolkan dan merujuk kepada tradisi kerohanian dalam mana karya-karya itu dilahirkan.

-ooo000ooo-